

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN  
SHAARY [PENGGALAN CHEPA]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengawal pencemaran alam sekitar akibat kemasukan barangan buangan berjadual negara asing ke negara kita dengan alasan untuk diniagakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sebarang pengimportan bagi buangan yang disenaraikan sebagai buangan terjadual di bawah Jadual Pertama adalah dikawal menerusi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (PPKAS (BT) 2005) dan Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 serta Konvensyen Basel mengenai Kawalan Pergerakan Buangan Berbahaya Merentasi Sempadan dan Pelupusan 1989.
2. Pengimportan buangan terjadual hanya boleh dipertimbangkan untuk Premis yang Ditetapkan (PYDT BT) di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengikut kriteria yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.